



MUSIBAH BANJIR. MENGHADAPINYA GAYA PERLIS

Asiah Sarji¹, Fahmi Mahamood¹, Hirwan Jasbir², Norrafidah²,
Edzham Armin Abdul Rahim

¹Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) ²Institut Kajian
Strategik, Kepimpinan dan Komuniti (IKSK)

ABSTRAK

Kertas ini berasaskan Kajian Pengurusan Bencana Banjir Di Negeri Perlis 2010. Kajian ini dilaksanakan hasil cadangan DYTM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Syed Sirajuddin Jamalullail kepada YBhg. Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin. Menurut Datuk Prof. Dr. Kamarudin, DYTM Raja Muda, sangat mengambil berat tentang sebarang isu dan permasalahan yang berkaitan dengan rakyat jelata yang terlibat dengan musibah tersebut. Oleh itu kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti sistem pengurusan banjir yang terdapat di Negeri Perlis sama ada mampu memenuhi keperluan penyelesaian masalah penduduk di negeri ini serta impak yang dialami oleh rakyat di Negeri Perlis. Pelbagai aspek lain diberi perhatian oleh kajian namun fokus kertas kerja ini hanya terhadap aspek impak banjir terhadap rakyat di Negeri Perlis. Untuk mendapatkan data tersebut, kaedah tinjauan telah dilakukan kepada beberapa kawasan yang terletak di tiga kawasan parlimen di Perlis iaitu Arau, Padang Besar dan Kangar. Seramai 600 responden telah turut serta pada awalnya di dalam kajian ini namun hanya 510 soal selidik yang memenuhi keperluan kajian. Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 20. Hasil kajian ini mendapati rakyat di Negeri Perlis mempunyai perasaan negative terhadap musibah banjir namun tidak mempunyai sikap yang negatif terhadap cara pengurusan banjir yang dilakukan dan mereka merasakan maklumat tentang banjir yang diperolehi adalah mencukupi. Maklumat tentang banjir ini juga dilihat amat membantu mereka untuk membuat keputusan dalam bertindak balas semasa krisis banjir tersebut. Bagaimanapun, kajian ini turut mendapati media tradisional masih dominan sebagai alat penyaluran maklumat yang paling efektif kepada masyarakat berbanding bentuk media yang lain. Kajian ini merumuskan bahawa secara umumnya penduduk di Negeri Perlis adalah terdiri dalam kalangan yang memiliki sifat yang positif dan menerima sesuatu musibah itu sebagai ketentuan ilahi. Dengan pendedahan media yang tinggi bermakna rakyat di Negeri Perlis bersedia untuk menerima sebarang bentuk perubahan yang sesuai dengan mereka di masa depan.

Kata kunci: Banjir, pendedahan media, sikap masyarakat, pengurusan maklumat, media tradisional

1. PENGENALAN

Banjir adalah mala petaka semula jadi yang boleh berlaku di mana sahaja. Keadaan sesuatu musibah banjir ini sangat bergantung pada cuaca, kedudukan muka bumi, pengurusan alam sekitar, dan tingkahlaku manusia. Banjir, atau limpahan air melampau yang mengalir di luar saluran biasa, boleh berlaku merentasi sempadan politik, negara, daerah atau sempadan budaya.

Pengurusan banjir yang tidak sempurna boleh menimbulkan malapetaka besar kepada manusia, alam tumbuhan, hidupan lainnya dan generasi penduduk di sesuatu

kawasan bagi sesuatu tempoh. Melalui kajian-kajian terdahulu, dikenalpasti bahawa banyak faktor yang mempengaruhi kecekapan pelaksanaan pengurusan banjir. Kajian yang dilakukan di Amerika Syarikat mendapati bahawa pengurusan banjir adalah sangat kompleks terutama apabila pihak yang terlibat seperti melibatkan sempadan negara yang berbeza kemudiannya terikat pula dengan sesuatu undang-undang yang sangat memerlukan penyelarasan serta kerjasama antara negara atau antara negeri. Kerjasama antara institusi, organisasi dan sebagainya mungkin tidak serumit berbanding dengan antara negara, namun sekiranya tidak ada koordinasi dalam pengurusan maklumat dan komunikasi serta semangat kerjasama, perkara yang dilihat mungkin boleh menimbulkan lebih banyak masalah yang merumitkan, terutama apabila sesuatu banjir itu tidak dapat diduga.

Dalam kajian yang sama di Amerika Syarikat, dikenalpasti bahawa, sangat sukar mengetahui bila sesuatu banjir berlaku. *Most floods are phenomena of nature and their location, timing, and magnitude are only partially predictable.* Untuk membuat sesuatu andaian dan jangkaan, memerlukan data yang tepat dan mencukupi.

Walau bagaimanapun kesediaan dan kesanggupan berhadapan dengan musibah banjir banyak bergantung kepada budaya sesuatu masyarakat, Hampir semua budaya dunia memulakan ketamadunan mereka di pinggir ruang yang berdekatan dengan sumber air, terutama di tebing-tebing sungai. Ini termasuk budaya Melayu dan bangsa-bangsa lain di Malaysia (Abdul Halim Nasir, 2005: 13).

Kelompok masyarakat ini menerima keadaan sedemikian sebagai sesuatu kejadian alam dan menerimanya sebagai suatu dugaan, walaupun penerimaan itu dalam keadaan yang sukar. Walaubagaimanapun, tidak semua masyarakat tinggal di kawasan yang berhampiran dengan sumber air yang membolehkan mereka mempunyai ketahanan terhadap serangan banjir. Kelompok-kelompok inilah yang dikenalpasti menghadapi sesuatu keadaan banjir itu dengan sikap yang negatif.

Hubungan sumber air dengan kehidupan masyarakat sangat akrab dari segi fizikal mahupun emosi. Bagi mereka ini budaya mewujudkan penempatan berhampiran sumber air tidak banyak berubah, malah berterusan. Ini menyebabkan sesuatu kawasan yang berhampiran dengan sumber air menjadi tumpuan penduduk dan apabila berlaku banjir, peringkat impaknya sangatlah tinggi.

Adalah juga diandaikan bahawa sikap yang sama dianuti oleh pihak pengurusan urusan banjir sendiri yang adakalanya tidak melihat isu ini sebagai suatu isu yang memerlukan penyelesaian segera dan kekal. Keadaan ini bukan saja menyebabkan tiada suatu sistem yang sistematik bagi pengawasan banjir, data asas mengenainya juga sangat sedikit.

Disebabkan tiada sistem pengawasan mala petaka banjir yang sistematik, maka penduduk di kawasan rendah dan di tebing-tebing sungai terpaksa menerima apa yang berlaku dan memulakan kehidupan semula selepas banjir surut dan begitulah seterusnya zaman berzaman. Disebabkan amalan dan kebiasaan melalui keadaan itu terlalu kerap, maka desakan untuk mewujudkan sistem pengawasan prabanjir tidak diberi perhatian apa lagi untuk mewujudkan sistem pengurusan dan penyebaran maklumat. Ini kerana peristiwa banjir berlaku secara berterusan setiap tahun hingga ia menjadi perkara biasa.

Paling mudah, amaran banjir hanya diberi sekiranya hujan turun secara berterusan dan paras air naik melampaui dari kebiasaan. Apabila menjadi satu budaya, pengurusan banjir yang kekal tidak dilihat perlu terutama apabila aktiviti pemanasan global berlaku sehingga mengubah struktur muka bumi.

Walaupun sesetengah mangsa banjir secara umumnya melihat musibah ini sebagai takdir, namun Nasreen (2004) percaya bahawa manusia yang terlibat itu ada emosi. Pihak pengurusan banjir bukan saja perlu menguruskan banjir dari aspek mengkoordinasikan maklumat dan bantuan fizikal lainnya, tetapi memberikan kesedaran atau menyediakan bakal mangsa banjir daya tahan emosi dan fizikal apabila berhadapan dengan banjir. Nasreen (2004) dalam kajiannya mengenai banjir di Bangladesh mencadangkan supaya,

Raising of awareness regarding the coping mechanisms of disaster should be given priority. Sensitization of community people, law enforcement authority and policy makers to manage disasters and support to survivors are also necessary. Rehabilitation programme for disaster victims/survivors should be taken by all."

Realiti ini yang menjadi cabaran kepada mana-mana organisasi yang berkaitan seperti UniMAP dan Negeri Perlis untuk menghadapi banjir. Jumlah data yang sangat kurang, mungkin tidak ada, tidak terpusat dan mungkin tidak terurus. Fenomena ini bukan saja berlaku di Malaysia atau Perlis khususnya tetapi berlaku juga di negara-negara lain. Bagaimana Perlis, khususnya UniMAP boleh membantu dalam aspek ini dan bagaimanakah para penduduk di Negeri Perlis menghadapi bencana banjir ini? Persoalan-persoalan ini timbul kerana kajian ini percaya bahawa budaya sangat memainkan peranan yang penting dalam membantu manusia berhadapan dengan sesuatu mala petaka.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini pada asasnya untuk melihat bagaimanakah penduduk Negeri Perlis menghadapi musibah banjir khususnya tiga banjir besar yang berlaku pada tahun 2011 dan sebelumnya. Untuk mendapatkan maklumat ini sekumpulan pengkaji dengan 20 orang pembanci telah menjejak kawasan dan mangsa-mangsa yang pernah menghadapi banjir. Untuk memastikan kajian ini berjaya, para pembanci telah diberi latihan selama satu hari untuk mengemukakan soalan dan mengisi borang soal selidik berstruktur yang telah di rangka dan telah siap di buat ujian awal.

Pendekatan kuantitatif adalah kaedah paling sesuai untuk pengumpulan data yang bersifat menyeluruh.

Seramai 600 orang penduduk di tiga kawasan Parlimen di Negeri Perlis iaitu Kangar, Arau dan Padang Besar telah dipilih. Bagi tujuan pensampelan, kaedah '*simple random*' telah digunakan di mana seramai 200 orang responden di pilih bagi mewakili setiap kawasan parlimen tersebut. Asas pemilihan utama ialah kawasan dan responden yang ditinjau adalah kawasan dan dalam kalangan mereka yang pernah mengalami musibah banjir.

Telah menerima 510 soalselidik dan sesuai untuk di analisis. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 20. Pembolehubah utama yang diberi

tumpuan dalam kajian ini ialah seperti jumlah kekerapan banjir, perasaan apabila dilanda banjir, tahap keseriusan banjir, masalah yang dihadapi ketika banjir, kerugian yang dialami akibat banjir dan sumber-sumber maklumat banjir yang diperolehi oleh para penduduk di Negeri Perlis.

3. HASIL KAJIAN

Aspek-aspek utama yang ingin dilihat ialah tentang emosi dan tingkahlaku rakyat Negeri Perlis apabila berhadapan dengan banjir serta mengenalpasti sejauh manakah kerugian yang dialami. Data ini penting bagi mengenalpasti kekuatan diri yang dimiliki oleh rakyat di Negeri Perlis berhadapan dengan sesuatu musibah.

Dalam kajian ini, perkara penting yang perlu diberi perhatian ialah banjir besar yang melanda Negeri Perlis pada tahun 2005, 2008, 2010 dan 2011. Bagaimanapun, bagi sesetengah responden takrifan banjir tersebut ialah bencana limpahan air yang masuk sama ada di sekitar kawasan rumah atau di dalam rumah. Banjir yang dipersepsikan oleh responden tidak sama antara satu dengan yang lain kerana bergantung kepada lokasi rumah masing-masing. Ada kawasan yang berlembah, tepi sungai, paya dan tanah rata. Kajian ini mengambil takrifan banjir besar dan banjir kecil yang dialami secara individu oleh responden.

3.1 Maklumat Latar Belakang

Kajian ini berjaya menjejaki jenis responden yang diperlukan dalam perancangan awal kajian.

Jadual 1 : Taburan Responden Mengikut Demografi Dan Sosio Ekonomi.

Maklumat Demografi	Kekerapan	Peratus(%)
Jantina		
Lelaki	224	43.9
Perempuan	286	56.1
Umur		
20-30	87	17.1
31-40	55	10.8
41-50	107	21.0
51-60	119	23.3
61-keatas	142	27.8
Bangsa		
Melayu	468	91.8
Cina	18	3.5
India	9	1.8
Siam	15	2.9
Taraf Perkahwinan		
Tidak /Belum berkahwin	72	14.1
Berkeluarga	438	85.9

Kelayakan akademik tertinggi		
	204	40.0
Sekolah rendah	246	48.2
Sekolah menengah	27	5.3
Kolej /Institut	32	6.5
Universiti		
Pekerjaan		
Kerja kampung	162	31.8
Masih belajar	51	10.0
Swasta/bisnes	100	19.6
Kerajaan	57	11.2
Lain-lain	140	27.5
Kawasan tempat tinggal		
Bandar	143	28.0
Luar Bandar	305	59.8
Pinggir Bandar	55	10.8
Lain-lain	7	1.4

Projek kajian ini sememangnya memerlukan taburan responden seperti yang terdapat di Jadual 1.

Dengan jumlah jantina yang hampir sama antara lelaki dan perempuan, taburan umur yang menumpukan kepada ketua isi rumah dengan menemui ke semua bangsa dan kajian ini menemui lebih ramai bangsa Melayu daripada bangsa-bangsa lain mengikut nisbah jumlah penduduk Negeri Perlis.

Selain itu, sebahagian besar daripada mereka adalah dalam kalangan penduduk luar bandar (Jadual 1). Tujuan mengapa ketua isi rumah ditemui kerana mereka adalah dalam kedudukan yang mampu menjelaskan perkara-perkara yang disoalkan di dalam borang soal selidik. Namun, sekiranya mereka tidak ada, anak atau ahli keluarga lain yang berkemampuan boleh diterima sebagai responden.

3.2 Kekerapan Mengalami Banjir

Kekerapan dalam konteks kajian ini bermaksud berapa kerapkan individu yang ditemui melalui musibah banjir. Hasil kajian menunjukkan sebahagian besar responden melalui musibah banjir dua ke empat kali (Jadual 2). Yang paling tinggi, iaitu 34 peratus, melaluinya dua kali. Jumlah yang melalui tiga kali banjir juga adalah tinggi iaitu kira-kira 20 peratus. Bagaimanapun jumlah yang melalui banjir lebih 6 kali juga adalah tinggi iaitu 10 peratus. Dengan kata lain, Perlis adalah negeri yang kerap didatangi banjir sama ada besar atau kecil. Dalam konteks kajian ini dapatlah dirumuskan bahawa menghadapi musibah banjir adalah sesuatu yang bukan asing kepada penduduk yang ditemui.

Jadual 2 : Jumlah Kekerapan Mengalami Banjir.

Berapa kali	Kekerapan	Peratus(%)
-------------	-----------	------------

0	48	9.4
1	39	7.6
2	175	34.3
3	106	20.8
4	80	15.7
5	30	5.9
Lebih 6 kali	32	10
Jumlah	510	100

3.3. Tahap Keseriusan Banjir

Rata-rata responden mengakui bahawa kesemua banjir yang mereka hadapi adalah berada di peringkat yang serius. Jadual 2 jelas menunjukkan paras atau tahap keseriusan banjir sangatlah tinggi. Responden yang mencatat peratusan paling tinggi iaitu 32.5 peratus ialah banjir sebahagian besar rumah dan diikuti responden yang terlibat banjir paras bahaya iaitu sebanyak 30 peratus. Manakala peratusan ketiga tertinggi ialah responden yang mengalami banjir di bahagian tertentu rumah iaitu sebanyak 20.2 peratus. Dengan perspektif lain kajian ini berjaya mengesan responden sebenarnya yang diperlukan oleh kajian. Malah sekiranya diteliti dalam jadual 2 dapat dikenalpasti bahawa jumlah responden yang terlibat dengan banjir secara tidak langsung juga adalah tinggi iaitu banjir yang tidak masuk ke rumah mendapat tindakbalas peratusan keempat tertinggi dengan 15.9 peratus.

Jadual 3: Tahap keseriusan banjir.

Item	Kekerapan	Peratus(%)
Banjir tidak masuk ke rumah	81	15.9
Banjir dibahagian tertentu rumah	103	20.2
Banjir sebahagian besar rumah	166	32.5
Banjir paras bahaya	153	30.0
Lain-lain	7	1.4
Jumlah	510	100

3.4. Masalah yang Dihadapi Ketika Banjir

Apabila hampir kesemua responden yang ditemui telah melalui pelbagai peringkat musibah banjir yang serius, kajian ini mendapati sangat mudah bagi responden untuk menjelaskan masalah yang mereka hadapi sewaktu banjir malah kecenderungan jawapan yang diberikan banyak menunjukkan kepada aspek masalah yang sangat tinggi. Jadual 4 jelas menunjukkan pola tindak balas mereka mengenai perkara ini.

Jadual 4: Masalah yang Dihadapi Ketika Banjir

Jenis Masalah	Sangat sukar	Sukar	Agak sukar	Tidak sukar	Lain-lain	Skor min(M)	Sisihan piawai (SD)
Menyukarkan untuk keluar rumah	238	206	53	11	2	1.69	.774
Sukar untuk mendapatkan semula barang-barang rumah yang rosak.	236	207	51	15	1	1.70	.781
Menyelamatkan barang-barang rumah	226	211	52	19	2	1.75	.816
Harta benda rumah rosak	245	191	49	21	4	1.72	.858
Mengganggu kehidupan seharian	244	201	51	12	2	1.68	.779

Masalah yang paling utama dihadapi ketika banjir ialah masalah menyelamatkan barang-barang rumah yang mencatat minima tertinggi iaitu 1.75 diikuti dengan masalah harta benda rumah rosak dengan mencatat minima sebanyak 1.72. Seterusnya masalah sukar untuk mendapatkan barang-barang rumah yang rosak mencatat minima ketiga tertinggi iaitu 1.70. manakala masalah mengganggu kehidupan seharian mencatat minima yang terendah iaitu 1.68. Data ini menjelaskan suatu keadaan sifat responden yang sangat menarik. Mereka mampu menjelaskan tentang aspek-aspek kemusnahan dan kerugian namun mereka tidak melihatnya sebagai sangat mengganggu kehidupan seharian mereka. Walaubagaimanapun perkara inilah yang perlu diberi perhatian serius oleh pihak pengurusan banjir.

3.5. Kerugian Utama dan Anggaran Kerugian

Konsep kerugian bagi kajian ini merujuk kepada kerosakan dan kemusnahan harta benda dan wang ringgit. Kajian ini menemui, responden mengenal pasti bahawa mereka mengalami semua bentuk kerugian (jadual 4).

Kerugian utama yang dialami adalah kerugian hasil pertanian mencatat skor minima paling tinggi dengan iaitu 3.03. Kerugian kedua tertinggi ialah kerugian wang ringgit dengan minima sebanyak 2.16 dan kerugian yang ketiga tertinggi ialah kerugian harta benda dengan mencatat min sebanyak 1.74.

Apabila diminta memberikan nilai kerugian tersebut, responden menganggarkan jumlah kerugian yang paling banyak adalah kerugian antara RM1000-RM3000 (36.7%) diikuti kurang dari RM1000 (31.4%). Peratusan ketiga tertinggi ialah tiada kerugian mencatat sebanyak (14.9%).

Walau bagaimanapun, jumlah responden yang menghadapi kerugian antara RM3000-RM8000 juga adalah tinggi jika kategori kerugian RM3000-RM5000 digabungkan dengan kerugian RM5000-RM10000. Apa yang dapat dijelaskan oleh data ini ialah musibah banjir memberi makna kepada rakyat Negeri Perlis sebagai suatu keadaan yang sangat merugikan mereka terutama apabila sebahagian besar daripada mereka tinggal di kawasan di luar bandar. (Jadual 5 dan 6).

Jadual 5: Kerugian utama yang dialami.

Jenis kerugian	Sangat utama	Utama	Agak utama	Tidak utama	Tidak pasti	Skor min(M)	Sisihan piawai (SD)
Kerugian wang ringgit	162	205	53	81	9	2.16	1.092
Kerugian harta benda	252	180	42	32	4	1.74	.911
Kerugian hasil pertanian	119	109	35	131	116	3.03	1.522

Jadual 6: Anggaran kerugian.

Anggaran	Kekerapan	Peratus(%)
Tiada kerugian	76	14.9
Kurang dari RM1000	160	31.4
1000-3000	187	36.7
3001-5000	45	8.8
5001-8000	30	5.9
9001-11000	9	1.8
Lebih RM 11000	3	0.6
Jumlah	510	100

3.7 Perasaan Apabila Dilanda Banjir

Dengan pengalaman responden yang sedemikian rupa tidak hairan apabila kajian ini mendapati hampir seratus peratus responden membentuk perasaan negatif terhadap musibah yang mereka lalui (Jadual 7).

Jadual 7: Perasaan apabila dilanda banjir.

Perasaan	Kekerapan	Peratus(%)
----------	-----------	------------

Tiada	1	0.2
Positif	14	2.7
Negatif	495	97.1
Jumlah	510	100

Konsep negatif dalam kajian ini bermaksud merasa dukacita, takut, kecewa, marah dan tidak puas hati. Namun, kajian ini mendapat jawapan yang sangat seimbang yang diperolehi iaitu responden yang mengatakan pengurusan banjir Negeri Perlis adalah lemah dengan jawapan responden yang mengatakan pengurusan banjir Negeri Perlis adalah baik.

Sebagai contoh dalam jadual 8 menjelaskan bahawa secara umumnya mereka mengakui bahawa agensi-agensi seperti Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) ada mengedarkan maklumat mengenai banjir kepada mereka dengan kata lain, mereka sedar bahawa agensi-agensi kerajaan ada menjalankan tugas dalam membantu mereka untuk berhadapan dengan musibah banjir.

Jadual 8 : Agensi yang terlibat dalam memberi maklumat banjir.

Agensi	Kekerapan	Peratus(%)
Pejabat menteri besar	25	4.9
Jabatan pengairan dan saliran	85	16.7
Polis	61	12.0
Jabatan pertahanan awam	256	50.2
Jabatan penerangan	78	15.3
Lain-lain	5	1.0
Jumlah	510	100

4. PERBINCANGAN

Memandangkan sebahagian besar responden yang ditemui dalam kajian ini adalah bangsa Melayu dan kebanyakannya tinggal di kawasan luar Bandar mereka ini mempunyai sifat-sifat Melayu asal dalam konteks menyatakan kedudukan tentang perasaan mereka terhadap sesuatu yang menimpa kepada mereka. Ini seolah-olah kajian ini menemui bahawa Bangsa Melayu di Negeri Perlis memiliki sifat-sifat Melayu asal yakni suatu bangsa yang dilandasi dengan sifat-sifat seorang Muslim yang menerima sesuatu keadaan itu secara qadaq dan qadar.

Kajian ini mendapati walaupun mereka merasa dukacita terhadap musibah banjir yang kerap mereka lalui, pada masa yang sama mereka mengakui bahawa kerajaan telah melakukan sesuatu bagi membantu mereka. Menurut Syed Husin Ali (2008), masyarakat Melayu mempunyai sikap yang sangat sederhana, dalam mana mereka tidak begitu jelas menyatakan sikap atau pandangan terhadap sesuatu perkara. *“The reason is that the process of social transformation has not seeped deeply into the villagers, but for the rural Malays who have migrated to the town the form of family have changed somewhat”*(2008:86).

Dalam perkara ini Siddiq Fadzil (2005:35) mengatakan bahawa keadaan tersebut tidak menghairankan kerana nilai-nilai budaya biasanya wujud dan beroperasi dalam bentuk *sef*. Ia adalah satu kekuatan dalaman yang mempengaruhi, membentuk dan menentukan tindakan dan perilaku seseorang atau sesuatu bangsa. Seterusnya beliau menyatakan pemikiran Melayu juga dibentuk oleh persekitaran alam tabi dan orang Melayu sangat mudah mengaitkan apa yang berlaku dengan mereka dengan merenung dan memahami rahsia alam ciptaan tuhan seperti yang dianjurkan oleh agama (Siddiq Fadzil, 2005:39).

Seperkara lain yang menarik perhatian ialah dalam budaya Melayu memang wujud kepekaan dan kesedaran terhadap maruah, kehormatan dan harga diri kerana itu perbuatan memalukan orang menjatuhkan air muka adalah suatu pelanggaran norma yang serius. Oleh kerana itu, kajian ini mendapati jawapan terhadap sama ada pihak kerajaan membantu mereka atau tidak telah mendapat jawapan yang sangat seimbang.

Namun satu perkara penting yang sangat perlu diberi perhatian dalam kajian ini adalah kesengsaraan yang telah dilalui oleh mereka dalam beberapa siri banjir sebelum ini serta kerugian yang telah mereka alami terutama dalam kalangan masyarakat Melayu. Kerugian yang berterusan tidak membantu untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Malah beberapa mangsa yang ditemui menyatakan bahawa beliau merasa ketakutan atau *phobia* setiap kali hujan turun yang agak lama.

Pasukan pengkaji juga telah mendapatkan data daripada pihak pasukan pengurusan banjir iaitu Majlis Keselamatan Negara (MKN) peringkat negeri. Data yang diperolehi secara temubual mendalam dengan sebahagian besar agensi-agensi yang terlibat dalam aktiviti memberi bantuan mendapati bahawa pengalaman berhadapan dengan beberapa siri banjir sebelum 2011 telah banyak mengajar mereka untuk melakukan pengurusan banjir secara lebih sistematik dan berkooordinasi. Mungkin kerana pengalaman berhadapan dengan banjir yang lebih sistematik yang diberikan oleh pihak kerajaan menjadikan rakyat Perlis bersifat agak positif terhadap usaha yang diberikan oleh MKN di peringkat negeri. Malah pihak pengurus banjir juga mengakui bahawa pendekatan pengurusan banjir sebelum 2011 adalah agak kurang sistematik.

5. KESIMPULAN

Memandangkan kajian ini hanya diadakan di Negeri Perlis, maka data tentang bagaimana rakyat Negeri Perlis diperolehi terhad kepada situasi yang berlaku di sekitar negeri ini. Sifat-sifat penduduk Negeri Perlis yang diduduki sebahagian besarnya orang Melayu, data ini dari satu segi memberikan gambaran tentang sifat-sifat rakyat Melayu Perlis menghadapi sesuatu musibah. Walaupun sebahagian besar daripada mereka telah melalui musibah ini berulang kali namun mereka tetap merasakan bahawa kerajaan telah melakukan sesuatu untuk membantu mereka. Tidak pasti sama ada jawapan yang sama boleh diperolehi sekiranya kajian yang sama diulang di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

BIBLIOGRAFI

- Godfrey, D.G. 2006. *Methods of historical analysis in electronic media*. Mahwah New Jersey. . Lawrence Erlbaum Associates
- Harun Rasid, Wolfgang Haider & Len Hunt: 2008. *Post-flood assessment of emergency evacuation policies in the Red River basin, Southern Manitoba*. Article first published online: 28 JUN 2008 DOI: 10.1111/j.1541-0064.2000.tb00719.x
- Kerlinger, Fred N. 1986. *Foundations of behavioral research*.(ed.3) New York: Holt, Rinehart and Winston
- Marjolein B. A. Van Asselt 2004. *Perspectives on flood management in the Rhine and Meuse river*. <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1002/rra.782/abstract>
- Mahbuba Nasreen. 2004. Disaster Research: Exploring Sociological Approach to Disaster in Bangladesh. *Bangladesh e-Journal of Sociology*. Vol. 1. No. 2. July, 2004.
- Siddiq Fadzil. 2005. Jati Diri dan Nilai-nilai Budaya dalam Pemikiran Melayu. Dlm. Ahmad Muhammad Said & Khalil Muhammad A. Harris (Penyt.). *Pembangunan Watak Bangsa*. Kajang: Kolej Dar al al-Hikmah.
- Sullivan, T.J. 2001. *Methods of Social Research*. Northen Michigan University: Harcourt College Publishers.
- Syed Husin Ali. 2008. *The Malays. Their Problem and Future*. Kuala Lumpur: The Other Press.